

19/06/2000

Shahnon bukti Pas peralat ahli: Hamid

Azrina Ahzan

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan Pas menghalang Ahli Parlimen Sik, Datuk Shahnon Ahmad, meletak jawatan menunjukkan bahawa parti itu selama ini hanya memeralatkan ahlinya untuk kepentingan politik semata-mata.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata, sebab itu isu berkenaan kini menimbulkan perbalahan antara Shahnon dengan pucuk pimpinan Pas.

"Shahnon tahu beliau tidak mampu lagi menjalankan tanggungjawabnya kerana keadaan kesihatannya tidak mengizinkan dan berterus-terang dengan rakyat di kawasan Parlimennya yang beliau akan berhenti daripada berkhidmat sebagai wakil rakyat.

"Bagaimanapun, pucuk pimpinan Pas tidak boleh menerima keputusan itu kerana akan menjejaskan kepentingan politik mereka hingga menyebabkan timbulnya surat palsu yang mengatakan Shahnon menarik balik tindakannya meletak jawatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di majlis sambutan Maulidur Rasul anjuran Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKM) cawangan Jalan Raja Bot di sini, hari ini.

Turut hadir, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Pengerusi Eksekutif Kumpulan Safuan, Datuk Matshah Safuan; Presiden Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara), Mukhriz Mahathir; Ahli Dewan Undangan Negeri Selayang Baru, Datuk Ahmad Bahari Abdul Rahman dan Yang Dipertua PPPKM, Bahrim Abdul Razak.

Abdul Hamid berkata, tindakan Pas menghalang keinginan Shahnon menunjukkan Pas lebih mementingkan perjuangan politik daripada keupayaan wakil rakyat untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat.

"Orang Sik juga berpendapat Pas lebih mementingkan politik daripada kebajikan rakyat walaupun Shahnon terus terang mengakui bahawa beliau tidak mampu menjalankan tugas atas sebab kesihatan," katanya.

Mengenai kemungkinan berlakunya pilihan raya kecil, beliau berkata, Umno dan Barisan Nasional sentiasa bersedia menghadapi pilihan raya kecil jika Shahnon tetap dengan keputusannya.

"Kemenangan Pas dalam pilihan raya lalu kerana rakyat keliru dengan isu semasa yang dibangkitkan pembangkang bukan kerana mereka (Pas) boleh buat kerja.

"Bagaimanapun selepas kita membuat penerangan, rakyat mula faham dan kita akan terus membuat penerangan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata, peniaga memainkan fungsi penting memelihara kestabilan ekonomi yang dinikmati masyarakat.

Justeru, katanya, peniaga hendaklah bekerjasama dengan kerajaan untuk mengawal harga barangan supaya tidak membebankan rakyat sebagai satu cara menunaikan tanggungjawabnya kepada masyarakat.

(END)